



## UPM Menang Anugerah Inovasi Negara



*Prof. Dr. Suhaila Mohamed menerima anugerah daripada Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili di PWTC.*

**KUALA LUMPUR, 31 Okt** – Produk penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Cardio-Mate iaitu sejenis makanan kesihatan telah memenangi Anugerah Inovasi Negara pada Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2009 (NICE) kategori *Waste To Wealth* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ketua Pasukan Penyelidik UPM, Prof. Dr. Suhaila Mohamed berkata *CardioMate – A Waste To Wealth Product From Seaweeds and Palm Leaf Extract* yang telah diuji keberkesananannya terhadap manusia dan haiwan menunjukkan tanda positif untuk mencegah penyakit kanser, kerosakan organ, sakit jantung, darah tinggi, kencing manis serta menyembuhkan luka dengan cepat dan mencegah kenaikan paras kolestrol.

“CardioMate yang dihasilkan daripada rumput laut dan pati daun palma boleh digunakan sebagai perasa dalam makanan atau sebagai pembangkit selera.

“Produk ini sedia untuk memasuki pasaran kerana keberkesanan terhadap manusia dan haiwan telah diuji oleh makmal,” katanya.

Kumpulan penyelidikan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan tersebut turut dibantu oleh Dr. Noordin Mohamed Mustapha, Patricia Matanjun, Juliana Jafri, Farideh Namvar, Intan Natasya Ahmad, Samaneh Ghasemi Fard, Mursyida Abdul Razak, Maslia Manja Badruzaman dan Rosalina Tan Roslan Tan.

Anugerah yang disertai lebih 200 penyertaan dari pelbagai sekolah, institusi dan awam itu merupakan acara tahunan anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menggalakkan penciptaan inovasi baru dalam semua peringkat institusi.

Perasmian telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak manakala penyampaian hadiah oleh Menteri MOSTI, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili.



*Produk CardioMate.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia